

HUKUM PENETAPAN HARGA (*TAS'ĪR*) DALAM PERBANDINGAN MAZHAB SEBAGAI ASAS KEPADA HUKUM TAMBATAN MATA WANG DALAM ISLAM

Ahmad Zaky Md Ali @ Tahir,¹ Mohamad Sabri Haron,²
dan Rosli Mokhtar³

Abstrak

Isu *tas'ir* iaitu penetapan harga adalah antara isu *khilafiyah* yang dibincangkan di kalangan ulama. Terdapat pelbagai pendapat tentang hukum *tas'ir* tersebut termasuk *tas'ir* mata wang. Namun dalam realiti kehidupan hari ini, isu penetapan harga khususnya penetapan harga mata wang adalah sangat kritikal kerana berkait dengan masyarakat awam. Justeru ulama melihat dari sudut kepentingan awam yang lebih utama dari kepentingan khusus. Berdasarkan kepentingan inilah keputusan kerajaan Malaysia untuk melakukan kawalan mata wang melalui penggantungan mata wang dari diniagakan di pasaran dunia ketika berlaku krisis ekonomi adalah satu langkah yang menepati hukum syarak. Artikel ini menilai hujah dan hukum *tas'ir* dalam kalangan ulama serta pandangan yang sesuai dengan situasi yang timbul. Hasilnya didapati penetapan harga khususnya pada mata wang adalah sangat diperlukan kerana ia melibatkan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Kata kunci: penetapan harga, *tas'ir*, tambatan mata wang, ikhtilaf hukum

THE LAW OF PRICING (*TAS'IR*) IN COMPARISON OF MADHHABS AS A BASIS FOR CURRENCY FIXING LAW IN ISLAM

Abstract

The issue of tas'ir or pricing is one of the khilafiyah issues being discussed among scholars. There are various opinions on the law of the tas'ir including currency fixing. However, in today's reality, the issue of pricing, especially currency pricing, is very critical as it relates to the general public. Thus scholars see from the standpoint of the public interest more than any special interest. Given the importance of this decision, the Malaysian government's decision to exercise currency

¹ Ahmad Zaky Md Ali @ Tahir adalah Pegawai Hal Ehwal Islam di Kementerian Dalam Negeri. E-mel: ahmadzaky@moha.gov.my

² Mohamad Sabri Haron, PhD, adalah Profesor Madya di Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³ Rosli Mokhtar adalah pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

control through the suspension of currencies in the world market in the event of an economic crisis complies with Islamic law. This article examines the arguments and laws of the tas'ir among scholars and their views on the situation. The result is that pricing in particular was very much needed as it involved the well-being of the people as a whole.

Keywords: pricing, tas'ir, currency fixing, difference of jurisprudence

Pendahuluan

Hukum *tas'ir* atau yang juga dikenali sebagai penetapan harga mempunyai pelbagai pandangan yang berbeza dalam kalangan ulama, semua ini adalah berdasarkan ijtihad masing-masing. Ijtihad adalah satu perkara yang sangat luas dalam kalangan ulama terutama apabila terdapat dalil yang berbeza atau difahami oleh ulama dengan cara yang berbeza serta pelbagai pertimbangan lain yang berbeza. Oleh sebab itu ulama membuat satu kaedah dalam ijtihad iaitu:

الاجتهاد لا ينقض بالاجتهاد

Terjemahan: Satu ijtihad tidak boleh membatalkan ijtihad yang lain.⁴

Menurut Wahbah al-Zuhaylī, ijtihad dilakukan oleh ulama dalam perkara yang tidak mempunyai dalil *qat'ī*. Maka ulama berijtihad dalam perkara *ẓannī* tersebut untuk mencapai kepada hukum yang diperlukan. Ulama sebulat suara bersetuju bahawa ijtihad yang kedua tidak boleh membatalkan ijtihad yang pertama. Jika tidak maka ijtihad yang kedua juga boleh dibatalkan oleh ijtihad yang ketiga, maka ini akan mewujudkan satu mata rantai berterusan yang tidak putus atau berulang-ulang. Melalui kaedah ini dapatlah difahami bahawa setiap ijtihad mempunyai satu kedudukan yang istimewa di sisi Syarak. Ini kerana setiap ijtihad adalah mendapat ganjaran pahala dari Allah. Nabi SAW menyatakan betul ijtihad diberi ganjaran dua pahala, salah satu pahala. Justeru ijtihad sama sekali tidak akan membawa kepada dosa.

Ijtihad dalam penetapan harga adalah berdasarkan kepada dalil syarak yang banyak antaranya Firman Allah:

⁴ 'Abd al-Rahman bin Abū Bakr Jalāl al-Dīn al-Suyūfī, *al-Ashbah wa al-Nazā'ir* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 101-102.

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Al-Nisā' 4:29

Begitu juga dari hadis Nabi SAW antaranya baginda bersabda:

إن الله هو المسعر القابض الباسط الرزاق وإني لأرجو أن ألقى ربي وليس أحد منكم يطلبني بمظلمة في دم ولا مال.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah yang menetapkan harga, yang menahan (rezeki), yang membentangkan, yang menganugerahkan rezeki. Sesungguhnya aku berharap untuk berjumpa tuhan ku dalam keadaan tidak ada seorang pun di kalangan kamu menuntut dari ku dengan sebarang kezaliman, sama ada berkaitan dengan darah atau harta.⁵

Selain dari dalil nas, ulama yang berijtihad juga menggunakan dalil akal yang sesuai dengan tuntutan semasa ini adalah untuk menjaga kemaslahatan ummah dan dalam masa yang sama mewujudkan suasana *win-win situation* antara pembeli dan penjual serta meletakkan kepentingan pemerintahan mengatasi keperluan individu.

Dari segi teori yang sesuai digunakan antaranya adalah teori *supply and demand* yang merupakan asas kepada perniagaan antara penjual dan pembeli. Bekalan yang sedikit atau disorok boleh menimbulkan pelbagai masalah antaranya peningkatan harga atau rusuhan dalam kalangan masyarakat. Justeru teori ini hendaklah diimbangi dengan keperluan menetapkan kawalan

⁵ Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhi* (Beirut: Dār al-Fikr, 1980), hadith no. 1314. Hadith ini dinilai hasan.

harga jika perlu terutama menetapkan nilai ringgit di pasaran antarabangsa.

Penetapan nilai mata wang juga termasuk dalam masalah *tas'ir*. Penetapan mata wang sebagaimana yang berlaku di zaman moden adalah satu perkara yang tidak pernah berlaku di zaman awal Islam. Sejarah mencatatkan kerajaan Malaysia yang juga pernah melakukan kawalan harga mata wang melalui pergantungan ringgit dari diniagakan di pasaran terbuka ketika mana Malaysia menghadapi serangan mata wang oleh spekulator mata wang dunia. Serangan mata wang juga berlaku kepada mata wang di Asia khususnya rantau Asia tenggara sehingga menyebabkan krisis ekonomi dengan kejatuhan mata wang yang tidak dapat di kawal sehingga melibatkan kerugian yang besar kepada seluruh rantau ini, menjejaskan ekonomi, menjejaskan produktiviti, menjejaskan peluang pekerjaan, banyak berlaku penutupan syarikat, pembuangan pekerja, kejatuhan pasaran saham dengan menjunam dan sebagainya lagi.

Mata wang negara Asia diserang dengan teruk oleh pedagang mata wang dunia di pasaran mata wang yang diapungkan. Ketika mana krisis semakin meruncing IMF menawarkan pakej bantuan kewangan untuk negara yang terjejas dengan tujuan untuk menstabilkan mata wang negara berkenaan. IMF telah meletakkan syarat-syarat yang ketat yang perlu dipatuhi oleh negara terbabit jika bersetuju untuk menerima pakej kewangan tersebut. Namun kerajaan Malaysia telah mengambil satu langkah yang jauh berbeza dengan menolak pakej rangsangan yang ditawarkan itu dan melakukan tambatan ringgit dengan dolar USA. Tambatan mata wang pernah dilakukan oleh negara lain sebelum ini seperti China dengan menggantungkan segala perdagangan mata wang negara berkenaan di pasaran terbuka. Dengan penggantungan mata wang dari didagangkan maka ia mempunyai kebaikan dengan mengelakkan serangan mata wang berlaku secara berterusan. Tambatan Ringgit Malaysia pada ketika itu adalah satu cara keadaan kerajaan Malaysia mengadakan penetapan harga ringgit yang dikenali di dalam fiqh Islam sebagai *al-tas'ir*. *Al-tas'ir* (penetapan harga) telah dibincangkan oleh para ulama dan mereka mempunyai pandangan, hujah dan ijtihad yang berbeza tentangnya.

Dalam dunia moden hari ini, kita dapati semua benda sama ada yang boleh dilihat atau usaha yang tidak boleh dilihat telah dijadikan komoditi dan diukur prestasinya termasuk meletakkan prestasi sesuatu pasaran saham sebagai komoditi yang boleh dinilai melalui indeks turun naik dan boleh di jual beli di pasaran terbuka. Sedangkan naik turun pasaran saham bukannya satu bentuk komoditi yang boleh dilihat, bahkan ia adalah hasil usaha secara kolektif yang berlaku di pasaran saham tersebut serta melihatnya dari sudut naik atau turun dengan dibandingkan dengan keadaan usaha yang berlaku sebelumnya secara keseluruhan dan nilai yang terkumpul padanya.

Banyak peristiwa tentang penetapan harga yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Malaysia hari ini antaranya isu tentang penetapan harga gula oleh kerajaan yang menetapkan harga RM 2.50⁶. Begitu juga isu penetapan kawalan harga kepada bahan bakar terutamanya petrol akan memberi kesan kepada harga barangan pengguna runcit yang lain. Ini kerana petrol dan diesel adalah kos harian dalam pengangkutan.⁷

Pandangan Hukum Mengenai Penetapan Harga

Dalam masalah penetapan harga atau *al-tas'ir* terdapat beberapa pendapat ulama yang utama yang akan di bincangkan dan hasil dari perbincangan ini akan menjelaskan ijthihad yang di buat serta bagaimana hukum tersebut boleh di aplikasikan dalam pasaran mata wang.

Pendapat Pertama

Mazhab Syafi'i mengikut pendapat yang *asahh* dari dua pendapat, penetapan harga adalah diharamkan walaupun ketika berlaku peningkatan harga.⁸ Mengikut al-Ansari penetapan harga adalah haram, pemerintah tidak boleh memerintahkan pekedai untuk

⁶ Meor Riduwan Meor Ahmad, "Harga Gula RM1.90 Sekilo Jika Tanpa AP," laman sesawang Berita Harian online, 26 Jun 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/06/442010/harga-gula-rm190-sekilo-jika-tanpa-ap>

⁷ Luqman Arif Abdul Karim, "2 Cara Tangani Isu Harga, Bekalan Bahan Api - FOMCA," laman sesawang Berita Harian online, 26 Disember 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/512998/2-cara-tangani-isu-harga-bekalan-bahan-api-fomca>

⁸ Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Rafī'ī, *Fath al-'Azīz Sharḥ al-Wajīz* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 8:217.

menjual barangan mereka dengan harga yang tertentu walaupun ketika berlaku kenaikan harga dan ketika tidak berlaku peningkatan harga hukum haramnya adalah lebih *awla*. Bahkan pengharaman ini juga untuk semua barang kegunaan, termasuk semua jenis makanan asasi demikianlah juga tidak dibolehkan melakukan penetapan harga padanya.⁹

Dalam mazhab Hanbali menyatakan haram bagi pemerintah untuk melakukan penetapan harga bahkan manusia berhak menjualkannya mengikut harga yang dikehendakinya.¹⁰ bahkan sekiranya seorang pembeli membuat aduan kepada pemerintah tentang pembelian berkaitan dengan harga yang tidak dipersetujuinya dan mahukan penetapan harga dilakukan maka terbatal akad jual beli tersebut dan wajib dipulangkan kembali. Bahkan menjadi makruh jika dilakukan pembelian dengan harga yang telah ditetapkan oleh pemerintah. Ini kerana penetapan harga asasnya adalah haram.

Dalil Hanafi pendapat pertama yang menyatakan haram:

1. Firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءٰمَنُوْا لَا تَاْكُلُوْا اَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْۢ بِاَلْبِطْلِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنُوْا
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوْا اَنْفُسَكُمْۙ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيْمًاۙ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Al-Nisā' 4:29

Wajah dilālah dari ayat ini ialah, sesungguhnya penetapan harga adalah salah satu bentuk memakan harta orang lain dengan cara dara yang batil dan tidak sebenar, dan ia dilakukan dengan

⁹ Abū Yahyā Zakariyyā bin Muḥammad al-Anṣārī, *al-Ghurar al-Bahiyah ft Sharḥ Manzumah al-Bahjah al-Wardiyyah* (t.tp.: t.p., t.t.), 9:20.

¹⁰ Abū al-Farj 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Sharḥ al-Kabīr 'alā al-Muqnī* (Kaherah: Ḥajar li al-Ṭiā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-I'lām, 1995), 4:44.

paksaan dan tanpa rela diri pihak penjual yang tidak menyukai harga yang ditetapkan itu.

2. Dari sunnah Nabi SAW dari hadis Anas, katanya ketika mana berlaku kenaikan harga di zaman Nabi SAW Lalu orang ramai berkata kepada baginda “Wahai Rasulullah! Tetapkanlah harga untuk kami”. Lalu baginda bersabda:

إن الله هو المسعر القابض الباسط الرزاق وإني لأرجو أن ألقى ربي وليس أحد منكم يطلبني بمظلمة في دم ولا مال.

Terjemahan: Sesungguhnya Allahlah yang menetapkan harga, yang menahan (rezeki), yang membentangkan, yang menganugerahkan rezeki. Sesungguhnya aku berharap untuk berjumpa tuhan ku dalam keadaan tidak ada seorang pun di kalangan kamu menuntut dari ku dengan sebarang kezaliman, sama ada berkaitan dengan darah atau harta.¹¹

Pendalilan: dari hadis di atas adalah jelas bagaimana Rasulullah SAW mengharamkan penetapan harga, walaupun ia berlaku di zaman baginda dan baginda merupakan pemerintah tertinggi pada zaman itu. Namun baginda tidak melakukan penetapan harga walaupun ia menghimpit kehidupan rakyat, dan menyusahkan mereka, walaupun mereka mengadu hal tersebut kepada baginda meminta simpati. Ini menunjukkan penetapan harga adalah haram. Apatah lagi Baginda Rasulullah SAW mengaitkan penetapan harga itu dengan kezaliman.

3. Hadis nabi SAW

لا يحل مال امرئ مسلم، إلا بطيب نفس منه.

Terjemahan: Tidak halal harta seorang Muslim, melainkan dengan keredaan dari dirinya.¹²

4. Sabda baginda lagi:

اسمعوا مني تعيشوا. ألا لا تظلموا. ألا لا تظلموا. ألا لا تظلموا. إنه لا يحل مال امرئ إلا بطيب نفس منه.

¹¹ Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhi*, hadith no. 1314, hadith hasan.

¹² Hadith riwayat Abū Dāwūd, Tirmidhī, Aḥmad dan Dār al-Quṭnī. Menurut Bayhāqī hadith ini adalah hasan, manakala menurut ulama yang lain ia adalah daif. Namun terdapat banyak nas al-Qur'an dan hadith sahih lain yang secara tidak langsung mengisyaratkan makna seumpamanya.

Terjemahan: Dengarlah dari ku nescaya kamu akan hidup dengan selamat, Jangan sekali-kali kamu menzalimi, Jangan sekali-kali kamu menzalimi, Jangan sekali-kali kamu menzalimi, Sesungguhnya tidak halal harta seorang Muslim melainkan dengan kerelaan dirinya.¹³

5. Hadis Qudsi

عن أبي ذر الغفاري رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم فيما يرويه عن ربه عز وجل أنه قال: يا عبادي، إني حرمت الظلم على نفسي، وجعلته بينكم محرماً؛ فلا تظالموا.

Terjemahan: Allah berfirman: Wahai hamba-hamba ku, sesungguhnya aku mengharamkan kezaliman ke atas diri ku, maka aku menjadikan kezaliman itu haram juga ke atas diri kamu, oleh itu janganlah kamu saling menzalimi antara satu sama lain.¹⁴

Dari hadis di atas menjelaskan tentang pengharaman kezaliman, justeru jika ada yang dipaksa menjual barangan dengan harga yang ditetapkan oleh pemerintah melalui kawalan harga adalah termasuk dalam perkara yang dilarang, ini kerana ia adalah salah satu bentuk kezaliman. Justeru itu maka adalah jelas bahawa penetapan harga adalah dilarang di sisi syarak.

Dari sudut akal mereka berhujah, penetapan harga adalah hak penjual maka penjual lah yang berhak menentukan harganya, justeru itu tidak ada hak bagi pemerintah untuk mencampuri dalam perkara ini yang merupakan hak penjual. Maka *awla* untuk para ulama mengharamkan penetapan harga, dengan wujudnya nas yang jelas..

Pendapat Kedua

Kitab *Durr al-Mukhtār* menyatakan bahawa tegahan melakukan penetapan harga itu adalah sebagai makruh. Dalam kitab *Majma'*

¹³ Abū 'Abd Allāh Aḥmad bin Muḥammad ibn Ḥanbal, *Musnad Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Lahore: Maktabah Rahmāniyyah, t.t.), hadith no. 20195. Menurut Shu'ayb al-Arnā'ūt hadith ini sahih atas syarat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī.

¹⁴ Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Jeddah: Dār al-Minhaj li al-Nashr wa al-Tawzī', 2009), kitab al-Birr wa al-Ṣilah, bab Tahrīm al-Zulm, hadith no. 2577, hadith sahih.

al-Anḥār dinyatakan “dan makruh dilakukan penetapan harga.”¹⁵ Dalam *Radd al-Muhtār* dinyatakan “dan hakim tidak boleh membuat penetapan harga, iaitu makruh yang demikian itu. Walau bagaimanapun jika harga barang naik dengan mendadak dan keterlaluannya maka pada ketika itu ia adalah diharuskan setelah membuat perbincangan dengan golongan yang berpengalaman dan pakar dalam penetapan harga barangan tersebut.”¹⁶ Sebagaimana juga dinyatakan hukum makruh itu oleh ulama-ulama Mazhab Hanafi dalam *al-Multaqā* oleh al-Kasānī.

Dalil pendapat yang kedua adalah makruh. Pendapat yang kedua juga adalah sama dengan hujah golongan yang pertama kecuali mereka mengecualikan tentang penetapan harga ketika darurat atau hajat yang diperlukan. Dengan menyatakan bahawa hak penjual dalam menetapkan harga akan gugur jika sekiranya berlaku kenaikan harga barang yang boleh memudaratkan manusia, maka pada ketika ini menjadi hak ke atas iman untuk campur tangan dengan melakukan penetapan harga untuk menghilangkan mudarat ke atas masyarakat. Justeru itulah mereka menyatakan ia adalah makruh.

Ini kerana kedudukan sebagai pemerintah terhadap harta Allah (harta baitulmal atau harta awam) adalah seumpama seorang penjaga harta anak yatim. Sekiranya pemerintah berhajat maka pemerintah akan mengambil harta itu darinya, sekiranya pemerintah dalam keadaan lapang (cukup keperluan) maka pemerintah akan kembalikan harta itu kepadanya, sekiranya keperluan pemerintah telah cukup dan melebihi, tidak memerlukan harta itu maka pemerintah tidak akan mengusiknya. Matlamat yang hendak dicapai adalah kesejahteraan dalam hidup bernegara.

Begitu juga ulama melihat dari kaedah Fiqh

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة.

Terjemahan: Tindakan Imam terhadap rakyatnya adalah mengikut maslahat.¹⁷

Adalah jelas dari dalil di atas bagaimana Imam mempunyai kewajipan untuk memelihara maslahat ummah maka ketika mana

¹⁵ ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad Shaykh Zādah, *Majma‘ al-Anḥār fī Sharḥ Multaqā al-Abḥār* (Beirut: Dār Ihyā‘ al-Turath al-‘Arabī, t.t.) 8:197.

¹⁶ Muḥammad Āmīn bin ‘Umar ibn ‘Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Muhtār ‘alā Durr al-Mukhtār* (Riyadh: Dār ‘Alim al-Kitāb, 2001), 27:12-14.

¹⁷ Al-Suyūṭī, *al-Ashbah wa al-Nazā‘ir*, 121.

Imam melihat terdapat keperluan untuk melakukan penetapan harga. Ini jelas menunjukkan maslahat rakyat yang ramai hendaklah diutamakan dari hak yang ada di kalangan penjual yang sedikit. Apatah lagi jika penetapan harga itu boleh melibatkan maslahat keseluruhan rakyat dalam negeri tersebut seperti penetapan nilai mata wang. Justeru itulah hukum penetapan harga adalah makruh ini kerana terdapat dua dalil yang berbeza dan memberi makna yang bertentangan.

فإن هذه القاعدة أصلها قولٌ للشافعي رحمه الله قال: منزلة الإمام من الرعية
منزلة الولي من اليتيم، وأصله قول عمر بن الخطاب رضي الله تعالى عنه: إني
أنزلت نفسي من مال الله منزلة والي اليتيم إن احتجث منه، فإذا أيسرت
رددته، فإن استغنيت استعففت.

Terjemahan: Sesungguhnya asal kaedah ini adalah dari kata-kata Shafi'i yang menyatakan: Kedudukan taraf Imam (pemerintah) itu adalah seumpama kedudukan penjaga kepada anak yatim. Asalnya juga diambil dari kata-kata Saidina 'Umar: Sesungguhnya aku meletakkan diriku berkaitan harta Allah (harta negara) kedudukan taraf sebagai penjaga kepada (harta) anak yatim, sekiranya aku berhajat kepadanya (akan digunakan untuk hajat tersebut). Apabila aku kelapangan akan aku kembalikan harta tersebut, sekiranya aku mampu menahan diri dari menggunakan harta tersebut (dengan tidak menggunakannya) maka aku akan menahan diri dari menggunakannya.¹⁸

Pendapat Ketiga

Mālik menyatakan penetapan harga adalah harus secara mutlak. Dalam satu pendapat yang diriwayatkan daripada Mālik, sesiapa yang hendak menjual barangannya dengan harga lebih rendah daripada apa yang dijual oleh pedagang lain di pasar maka hendaklah dia mengikut harga jualan pedagang yang ramai tersebut atau dia keluar darinya, juga diriwayatkan tentang

¹⁸ Ṣalāḥ bin Khamīs al-Ghāmīdī, "Qā'idah: al-Taṣarruf 'alā Ra'iyah Manut bi al-Maṣlahah," lama sesawang al-Multaqā al-Fiqhī, <http://feqhweb.com/vb/t10549.html>, 11 Mei 2019.

keharusan penetapan harga secara mutlak dari Malik¹⁹ oleh al-Syawkānī dan al-Ṣan‘ānī dan menyatakan harus bagi pemerintah melakukan penetapan harga dalam semua perkara termasuk makanan.

Dalil pandangan ketiga adalah harus secara mutlak:

1. Perkataan Khalifah ‘Umar di atas menjadi dalil tentang hak pemerintah menjaga kebajikan rakyatnya, maka pemerintah boleh memutuskan dan mencampuri urusan rakyatnya termasuk jual beli. Justeru ini adalah jelas menunjukkan penetapan harga adalah harus.
2. Masalahat dalam mengawal kenaikan harga menunjukkan keperluan dalam melakukan kawalan penetapan harga dalam masyarakat, maka ia adalah harus dilakukan oleh pemerintah, untuk kebaikan golongan yang ramai.

Pendapat Keempat

Pendapat Zaydiyyah tidak mengharuskan penetapan harga untuk makanan asasi sahaja dan harus dalam semua perkara yang lain. Pendapat ini juga adalah pendapat sebahagian dari ulama Syafi‘i yang tidak membenarkan penetapan harga pada makanan asasi. Walau bagaimanapun pendapat ini adalah pendapat yang lemah dalam mazhab Syafi‘i. Zaydiyyah menganggap penetapan harga pada yang lain dari makanan asasi adalah satu yang elok dilakukan oleh pemerintah seperti penetapan harga pada susu, lemak dan daging sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Mahdī.²⁰

Dalil keempat harus untuk semua barangan yang lain kecuali makanan asasi. Dalil dari hadis Anas di atas adalah jelas bagaimana Rasulullah SAW mengharamkan penetapan harga. Hadis tersebut adalah berkaitan dengan penetapan harga untuk makanan asasi. Maka melakukan penetapan harga adalah haram pada makanan asasi, ia adalah perbuatan zalim dan jelas haram.

¹⁹ Muḥy al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab* (t.tp.: Dār al-Fikr, t.t.), 13:43.

²⁰ Muḥammad bin Ismā‘īl al-Amīr al-Yamānī al-Ṣan‘ānī, *Subul al-Salam Sharḥ Bulugh al-Maram* (Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabi, 1957), 13:25.

Pendapat Kelima

Sebagaimana pandangan ulama Syafi'i dalam satu pendapat yang mengharuskan penetapan harga makanan pada makanan asasi²¹ jika terdapat kenaikan harga yang melampau. Manakala pandangan ini juga adalah satu pandangan dalam mazhab Hanafi.²²

Dalil kelima harus untuk makanan asasi sahaja.

1. Menghimpunkan antara hadis Anas dengan nas berkaitan dengan maqasid syariah, justeru diharuskan penetapan harga kerana keperluan dan darurat maka dikecualikan makanan asasi. Ini kerana dalam maqasid syariah wajib memelihara lima perkara antaranya jiwa dan tubuh badan. Maka maqasid ini tidak akan terlaksana kecuali dengan adanya makanan dan minuman.
2. Pemerintah boleh melakukannya kerana maslahat ramai, dan tidak ada maslahat yang lebih penting kecuali dalam urusan makan dan minum.

Pendapat Keenam

Penetapan harga adalah harus untuk makanan asasi dan juga jerami untuk makanan haiwan dalam satu pandangan dalam mazhab Syafi'i. Makanan haiwan termasuk dalam kategori yang sama melalui kias sebagaimana makanan anak Adam. Ini kerana makanan haiwan adalah keperluan asasi bagi haiwan maka perlu dijaga. Hajat manusia kepada haiwan adalah amat besar dengan pelbagai kegunaan maka ia tidak boleh diabaikan.²³

Dalil keenam, harus untuk makanan asasi anak Adam dan jerami untuk makanan binatang sahaja. Hujah pendapat keenam adalah sama dengan golongan yang kelima kecuali mereka mengiaskannya dengan makanan haiwan atas dasar kepentingan haiwan kepada manusia dan kewajipan manusia untuk menjaganya.

Pendapat Ketujuh

Haram melakukan penetapan harga pada makanan import, tetapi boleh dilakukan penetapan harga bagi barang makanan tempatan.

²¹ Ibn 'Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Muḥtār 'alā Durr al-Mukhtār*, 27:13.

²² Muḥammad Āmin bin 'Umar ibn 'Ābidīn, *al-Durr al-Mukhtār wa Hāshiyah ibn 'Ābidīn* (Beirut: Dār al-Fikr, 1992), 5:720.

²³ Ibn 'Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Muḥtār 'ala Durr al-Mukhtār*, 27:16.

Ini kerana pengimport memerlukan kos yang besar untuk membiayai urusannya itu. Selain itu pada dasarnya makanan import itu tidak wujud pada asal maka haram dilakukan penetapan harga padanya, kerana ia adalah satu kezaliman. Manakala jika makanan itu adalah makanan tempatan maka yang ditanam dalam negeri tersebut maka pemerintah boleh menetapkan harga untuknya. Ini kerana pemerintah lebih mengetahui keadaan dan keperluannya maka harus dilakukan penetapan harga.²⁴ Bahkan menurut Ibn Rushd menjadi *ittifak* ulama bahawa pengimport sama sekali tidak dikenakan penetapan harga dalam apa keadaan sekalipun. Bahkan pemerintah perlu turun ke pasar dan bertanya serta menyelidiki berkenaan harga barang serta bertanya bagaimana ia diperoleh serta kosnya dan berapakah harga yang sepatutnya dijual. Supaya kedua-dua pihak antara penjual dan pembeli mencapai satu kata putus yang dipersetujui bersama sebagaimana dalam pandangan al-Maliki.

Dalil ke tujuh ialah Haram untuk *tas'ir* barangan import dan harus untuk barangan tempatan.

1. Penetapan harga tidak boleh dilakukan untuk barang import kerana, ia tidak pernah dilakukan oleh Nabi SAW.
2. Barangan import tidak boleh ditetapkan harga kerana ia bukan barangan pada asalnya ada di tempat tersebut, dan bukan keperluan di tempat itu pada dasarnya. Justeru menetapkan harga untuk barangan Import adalah satu kezaliman.

Dalil boleh menetapkan harga untuk barangan tempatan adalah berdasarkan maslahat setempat yang dikuasai oleh pemerintah di tempat itu, maka pemerintah berhak menetapkan harga untuknya.

Pendapat Kelapan

Ibn Kamal dari mazhab Hanafi menyatakan penetapan harga adalah menjadi wajib dalam keadaan biasa (bukan ketika berlaku krisis) bagi pemerintah jika mereka melihat adanya keperluan untuk melakukannya. Penetapan harga adalah lebih *awla* menjadi wajib ketika berlaku kenaikan harga barangan. Berkata Rahimahullah, bahawa penetapan harga adalah menjadi wajib bagi pemerintah. Justeru menjadi wajib atas pemerintah untuk

²⁴ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf al-Mawaq, *al-Tāj wa al-Iklil li Mukhtaṣār Khalīl* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 7:52.

melakukan penetapan harga untuk kemaslahatan rakyat yang ramai, sebagaimana satu pendapat dalam mazhab Malik.²⁵

Dalil ke lapan, wajib pemerintah menetapkan harga. Dengan bertindak lebih awal, sebagai langkah pencegahan maka wajib ditetapkan harga untuk kebaikan rakyat bawahan. Khususnya ketika berlaku kenaikan harga barangan. Kepentingan rakyat yang ramai perlu dijaga oleh pemerintah dari keperluan segelintir masyarakat.

Penutup

Kesimpulan daripada pandangan ulama yang berbeza di atas dan dari hujah-hujah yang diberikan oleh para fuqaha dapatlah kita fahami bagaimana luasnya cara ulama mengistinbatkan hukum dalam muamalat. Perkara ini juga diterapkan dalam urusan yang berkaitan dengan kawalan harga untuk mata wang ini kerana mata wang di zaman ini adalah satu bentuk barang dagangan yang berbeza dengan mata wang di zaman nabi SAW. Penetapan harga untuk mata wang juga tidak terlepas dari khilaf hukum yang sama di atas.

Apabila meneliti kepada hujah Nabi enggan untuk melakukan penetapan harga. Apatah lagi nabi SAW mengaitkan perkara tersebut dengan kezaliman. Selain itu Baginda berlepas diri agar beliau tidak di dakwa di hadapan Allah SWT tentang sebarang jenis kezaliman yang dilakukan kepada orang lain walaupun kecil. Justeru hujah pengharaman adalah nyata dan jelas. Maka hukum penetapan mata wang ialah haram adalah hukum yang paling jelas berdasarkan hadis Anas di atas. Ini adalah satu hukum yang dinyatakan oleh para mujtahid.

Walau bagaimana pun terdapat banyak nas-nas umum lain yang mewajibkan pemeliharaan kepada lima perkara asas atau *al-darūriyyat al-khamsah*. Para ulama juga memahami bahawa terdapat juga nas lain yang memberi kuasa kepada pemerintah untuk mengambil tindakan bagi maslahat rakyatnya dan mengambil tindakan pencegahan dari mudarat yang mungkin berlaku kepada rakyatnya.

Justeru didapati hukumnya telah berbeza dengan ketara. Bermula dari golongan yang menyatakannya sebagai haram,

²⁵ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwait: Dār al-Salāsil, 2005), 11:307.

makruh, harus sehingga wajib sebagaimana yang dibentangkan di atas. Semua perbezaan hukum ini mempunyai asas di sisi ulama fiqah dan mempunyai sandarannya yang tersendiri.

Selepas membentangkan pendapat fuqaha di atas tentang hukum penetapan harga. Maka didapati dalam masalah penetapan harga bagi mata wang, kecenderungan pandangan yang patut dipilih adalah ia harus dalam keadaan biasa yang tidak terdapat serangan oleh penyangak mata wang, manakala jika terdapat serangan mata wang dari serangan spekulator dalam perdagangan mata wang asing terhadap sesebuah negara sehingga menjejaskan kehidupan rakyat, maka negara wajib melakukan penetapan harga mata wang tersebut dengan mengikatnya dan menariknya dari dagangan di pasaran terbuka di bawah kawalan IMF. Ini kerana penetapan mata wang adalah cara terbaik untuk mengawal serangan yang dilakukan dan ia menjadi ancaman yang besar bagi para spekulator mata wang. Perkara ini diakui oleh spekulator mata wang yang terkenal iaitu Gorge Soros ketika membicarakan tentang krisis kewangan di Thailand dan Malaysia pada 1997 serta kebimbangannya Malaysia akan melakukan *capital controls* untuk menghadapi krisis tersebut. Sangkaan nya adalah benar, di mana Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu akhirnya melakukan kawalan harga mata wang, tetapi ia dilakukan agak lewat. Ini kerana hanya Malaysia di antara negara yang menghadapi krisis tidak membuat pinjaman dengan IMF dan tidak terikat dengan syarat yang ditetapkan nya.

Bahkan menjadi kewajipan ke atas pemimpin umat Islam terhadap rakyatnya dengan menjaga kestabilan nilai mata wang daripada jatuh, supaya tidak terjadi inflasi dan kenaikan harga makanan asasi, harga barangan, tidak terjadinya kemiskinan yang melata dan rakyat akan merasa tenang dengan keadaan negara. Rakyat akan merasa ketenangan dalam kerja mereka serta memperoleh upah yang setimpal dengan hasil usaha mereka dan susah payah yang mereka lakukan. Dengan demikian usaha mereka tidak akan menjadi sia-sia serta terjadi kerosakan, kemusnahan dan kehancuran di tengah masyarakat.

Rujukan

- Al-Anṣārī, Abū Yahyā Zakariyyā bin Muḥamma. *al-Ghurar al-Bahiyah fī Sharḥ Manzumah al-Bahjah al-Wardiyyah*. T.tp.: t.p., t.t.
- Al-Ghāmīdī, Ṣalāḥ bin Khamīs. “Qā'idah: al-Taṣarruf 'alā Ra'iyah Manut bi al-Maṣlahah,” lama sesawang al-Multaqā al-Fiqhī, <http://feqhweb.com/vb/t10549.html>, 11 Mei 2019.
- Al-Maqdisī, Abū al-Farj 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad ibn Qudāmah. *Al-Sharḥ al-Kabīr 'alā al-Muqnī*. Kaherah: Hajar li al-Tīā'a'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-I'lām, 1995.
- Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn Yahyā bin Sharaf. *Al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*. T.tp.: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Qushayrī, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjā. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Jeddah: Dār al-Minhaj li al-Nashr wa al-Tawzī', 2009.
- Al-Rafī'ī, Abū al-Qāsim 'Abd al-Karīm bin Muḥammad. *Fath al-'Azīz Sharḥ al-Wajīz*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Ṣan'ānī, Muḥammad bin Ismā'il al-Amir al-Yamānī. *Subul al-Salam Sharḥ Bulugh al-Maram*. Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabi, 1957.
- Al-Suyūṭī, 'Abd al-Raḥman bin Abū Bakr Jalāl al-Dīn. *al-Ashbah wa al-Nazā'ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Tirmidhī, Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā. *Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1980.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Āmīn bin 'Umar. *Al-Durr al-Mukhtār wa Hāshiyah ibn 'Ābidīn*. Beirut: Dār al-Fikr, 1992.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Āmīn bin 'Umar. *Hāshiyah Radd al-Muhtār 'alā Durr al-Mukhtār*. Riyadh: Dār 'Alim al-Kitab, 2001.
- Ibn Ḥanbal, Abū 'Abd Allāh Aḥmad bin Muḥammad. *Musnad*.
- Luqman Arif Abdul Karim. “2 Cara Tangani Isu Harga, Bekalan Bahan Api – FOMCA.” Laman sesawang Berita Harian online, 26 Disember 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/512998/2-cara-tangani-isu-harga-bekalan-bahan-api-fomca>
- Meor Riduwan Meor Ahmad. “Harga Gula RM1.90 Sekilo Jika Tanpa AP.” Laman sesawang Berita Harian online, 26 Jun 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/06/442010/harga-gula-rm190-sekilo-jika-tanpa-ap>

- Shaykh Zādah, ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad. *Majma‘ al-Anḥār fī Sharḥ Multaqā al-Abhār*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, t.t.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah. *Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. Kuwait: Dār al-Salāsīl, 2005.
- Yūsuf al-Mawaq, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin. *Al-Tāj wa al-Iklīl li Mukhtaṣār Khalīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.